

27 OCT 2000

Belanjawan-Mahathir (Wang Ihsan)

KERAJAAN PUSAT IKUT UNDANG-UNDANG BERKAITAN WANG IHSAN MINYAK

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS tidak berani mempertikaikan pemberian wang ihsan kepada Terengganu daripada segi undang-undang kerana ia jelas bukan berupa pembayaran royalti seperti yang parti itu mahukan.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat bertindak mengikut undang-undang berkaitan pembayaran itu kerana royalti hanya akan dibayar bagi minyak yang diterokai di atas tanah Terengganu dan bagi minyak yang ditemui di kawasan perairan dengan jarak tiga batu dari pantainya.

Oleh sebab itu mereka tidak mempersoalkannya dari segi undang-undang, katanya pada sidang media selepas pembentangan Belanjawan 2001 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya jika ditanya daripada segi undang-undang berhubung perjanjian yang dibuat sama ada ianya melibatkan pembayaran royalti atau wang ihsan, jelas ia adalah wang ihsan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kekecohan dalam Dewan Rakyat semasa pembentangan belanjawan itu akibat teriakan "bohong, bohong" dan "royalti" oleh anggota pembangkang setiap kali Daim menyebut perkataan wang ihsan.

Dr Mahathir berkata bagi penemuan dan penerokaan minyak di luar dari kawasan yang ditetapkan itu, ia bukan lagi milik Terengganu.

"Ini soal parti lawan, marah kononnya kita dulu guna royalti, sekarang kita gunakan wang ihsan. Saya akui memang kita dulu guna royalti tapi hakikatnya ia bukan royalti tapi wang ihsan," katanya.

Secara berkias, beliau berkata: "Kata orang, ros dengan nama lain sekalipun tetap berbau wangi, jadi sama ada anda menamakannya royalti atau ihsan, ia tetap ros, dan ros itu ialah ihsan."

Mengenai usaha Terengganu yang diperintah oleh kerajaan PAS berusaha mencari minyak dalam kawasan tiga batu nautika dari pantainya, Perdana Menteri berkata kalau ada, dalam kes itu bolehlah mendapatkan pembayaran royalti.

"Ini kerana itulah undang-undangnya...kita bertindak mengikut undang-undang," katanya sambil menjelaskan bahawa dalam memilih perkataan (antara royalti dan wang ihsan) kadang-kadang menteri pun boleh tersilap jika tidak berhati-hati.

Mengenai kekecewaan kerajaan terhadap pencapaian atlit Malaysia di Olimpik Sydney baru-baru ini seperti yang dinyatakan Daim, Dr Mahathir berkata ia adalah kenyataan.

"Kita harus menghadapi kenyataan. Kita telah memanjakan atlit kita dengan memberikan mereka tanah, wang dan pelbagai benda sehinggakan mereka menjadi begitu angkuh dengan menganggap mereka berada pada kedudukan mereka itu adalah atas usaha mereka," katanya.

Beliau berkata adalah menyedihkan yang para atlit memilih untuk tidak mempedulikan sokongan negara yang diberikan kepada mereka.

"Mereka harus juga memikirkan mengenai apa yang boleh mereka sumbangkan kepada negara," katanya.

Dalam ucapannya, Daim berkata walaupun peruntukan besar dibelanjakan, kemudahan dan galakan diberikan, tetapi hasil yang diharapkan tidak menjadi kenyataan.

-- BERNAMA

MNY MNY RON